

**e-BULLETTIN INTEGRITI**

**EDISI PERTAMA 2019**

**IBU PEJABAT PENJARA**

**MALAYSIA**



## **KANDUNGAN**

---

**Menjejaki Warisan Integriti**

---

**Amalan Integriti: Rukun  
Negara**

---

**Bedah Buku**

---

**Ulasan Filem**

---

**Soalan Lazim**

## **SIDANG REDAKSI**

**PENASIHAT**

- YBHG. DATO' SRI HAJI ZULKIFLI BIN OMAR

**PENYELARAS/ PENGARANG**

- PPK MEOR AZIZI SAPAWI BIN AHMAD SEPUAN
- NOOR JUMAATON BINTI RAZIKIN
- MAIFUZA BINTI ABDUL MALIK
- TPP HAMDAN BIN MATAN

*Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,*

## PERUTUSAN KOMISIONER JENERAL PENJARA



**YBHG. DATO' SRI HAJI ZULKIFLI BIN OMAR**

Hari Integriti Kebangsaan telah ditetapkan pada 5 November setiap tahun. Sambutan Hari Integriti yang diadakan bukan semata-mata melihat pengisian atau program yang dirancang sebaliknya lebih kepada menghayati semangat dan maksud integriti itu sendiri.

Integriti merupakan nilai yang menentukan kualiti diri seseorang kerana integriti itu sendiri berkait rapat dengan etika dan nilai-nilai murni seseorang individu itu. Saban hari sorotan media kerap memaparkan isu-isu berkaitan integriti khususnya melibatkan penjawat awam sama ada kes penyalahgunaan kuasa, pecah amanah, rasuah atau penyelewengan. Walaupun perbuatan tersebut dilakukan oleh segelintir penjawat awam, namun tempiasnya tetap terkena kepada semua penjawat awam di negara ini. Harapan saya amat besar agar semua penjawat awam khususnya warga Jabatan Penjara Malaysia mendukung semangat dan amalan berintegriti. Ini kerana, kakitangan atau penjawat awam yang berkualiti tinggi merupakan aset penting terhadap kejayaan sesebuah organisasi dan negara. Amanah, telus, bertanggungjawab dan berkhidmat demi kepentingan awam merupakan intipati dalam integriti dan etika.

Sempena 1 tahun pemerintahan Kerajaan Baharu, Wawasan Kemakmuran Bersama telah dibentangkan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 9 Mei 2019. Menerusi pembentangan tersebut, Wawasan Kemakmuran Bersama fokus ke arah inisiatif-inisiatif yang sedang dan bakal diperkenalkan oleh Kerajaan memastikan semua rakyat dapat menikmati kemakmuran bersama. Ini sebagai usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil dan inklusif. Justeru, marilah kita bersama-sama berpadu tenaga, mengembleng usaha agar hasrat tersebut dapat direalisasikan dengan berikrar menjadi seorang penjawat awam yang membudayakan integriti dalam diri.

Semoga segala perkongsian melalui buletin ini dapat memberikan manfaat kepada semua warga Jabatan Penjara khususnya.

*Seharian ini, terima kasih*




# MENJEJAK WARISAN INTEGRITI

Begitu jugalah bagaimana berlikunya Tanah Melayu membesar dan berkembang dengan susah payah menelusuri duri dan ranjau demi memastikan tanah air bebas daripada dijajah. Semangat Datuk Maharajalela menyingsing lengan, langkah Datuk Kelana memperkemaskan diri, Datuk Bahaman tampil membela watan Pusaka Tanah Melayu dengan hasrat dan pemikiran yang sama dek tebalnya pegangan integriti dengan beraninya menyeru bangsanya untuk bangkit berjuang.

Kesedaran perjuangan ini bertitik tolak daripada rasa cintakan tanah air yang memperjuangkan setiap keringat demi anak bangsa yang hidup pada hari ini. Dengan kekuatan dan pasaknya dipaku oleh sikap integriti inilah diamanahkan kita untuk menjaga apa yang telah diperjuangkan oleh nenek moyang terdahulu. Kitalah yang diharap untuk bangsa terus bergerak, bekerja dan menjadi penerang kekaburan pandangan mata.

**A**similasi dan jati diri Maharaja Meijing membina maruah bangsa, kerana integriti dan toleransi Mahatma Gandhi telah memerdekakan India dan dengan integriti jua mendidik anak watan Tanah Melayu mengerah keringat demi membebaskan nusa.

Jangan kita lupa dengan kehebatan Dol Said menyusun pencak, rentapan Rentap menyusul jejak menyelamatkan maruah bangsa daripada terus dipijak begitu juga runtuhnya keagungan Parameswara akibat integriti tidak menjadi pegangan. Sesungguhnya pembentukan nilai-nilai integriti bukanlah suatu perkara yang mudah kerana ia memerlukan kesungguhan, ketabahan penuh liku dan susah payah.



Integriti itu sendiri membawa maksud prinsip moral yang kuat, jujur dan bermaruah dalam setiap perbuatan. Integriti digambarkan sebagai tulus, sempurna dan utuh. Persoalan integriti ini telah lama dikisahkan sama ada sedar atau tidak melalui sajak “Pesan Lebai Malang”. Sifat tidak berintegriti inilah yang akhirnya telah menggagalkan hidup Lebai Malang kerana sifat pura-pura Lebai Malang yang warak tetapi sebenarnya tamak, mungkir janji, sentiasa mencongak peluang untuk kepentingan peribadi dan sentiasa memihak kepada pihak yang difikirkan lebih memberi keuntungan peribadi. Tanpa kita sedar, kisah perlumbaan arnab dan kura-kura juga menyelitkan keberadaan unsur integriti ini. Lihat bagaimana si arnab yang megah meninggalkan kura-kura tetapi akhirnya terlena di pertengahan jalan dek kurangnya sikap integriti dalam diri dan atas hasil usaha kura-kura yang tidak berputus asa menyebabkan si arnab akhirnya berputih mata sendiri.

## **PESAN LEBAI MALANG**

Salasilah: DBP, 2017. 87-89

Jangan jadi seperti aku  
Banyak berangan-angan  
Tetapi salah pertimbangan

Aku ini hidup di kampung  
Bahagia rasanya orang menyanjung  
Dilihat rajin beribadat  
Dilayani dengan hormat  
Dikira alim diminta berkat  
Dijemput ke rumah  
Didudukkan di tengah  
Disalami para jemaah

Suatu hari datanglah undangan  
Di hilir berlaku kematian  
Di hulu ada kenduri kesyukuran  
Aku yang dilihat tenang  
Diam-diam mencongak peluang  
Tak siapa menyangka  
Dalam diam membayangkan hidangan  
Kenduri lebih enak lauk pauknya  
Tetapi kematian di hulu mengharap kedatanganku  
Mereka yang mengundang terlebih dahulu  
Dan aku telah bersetuju  
Kemudian tiba jemputan kenduri  
Menolak bererti rugi

Lama juga berkira-kira  
Lauk sedap terbuka selera  
Banyak bererti laba  
Tak sedar hari meninggi  
Mengayuh ke hulu mengejar kenduri  
Pantang menolak rezeki

Waktu sudah dekat  
Aku hampir terlambat  
Hari panas arus pun deras  
Aku perlu bekerja keras  
Jika tidak mahu terlepas  
Namun apabila aku sampai  
Semuanya sudah selesai  
Dengan penuh kecewa aku ke hilir pula  
Berkayuh sekuat tenaga  
Namun kelajuan perahu terhalang  
Oleh air yang sedang pasang  
Aku sampai hampir petang  
Jenazah sudah sempurna dikebumi  
Khidmatku tak perlu lagi

Begitulah dikata orang  
Malangnya Si Lebai Malang  
Mudik menongkah arus  
Hilir menongkah pasang  
Di sana tak dapat nasi  
Di sini tak dapat makan  
Ke hulu terlepas habuan  
Ke hilir terlepas peluang

Aku yang dilihat warak sebenarnya tamak  
Sana mahu ditangkap sini mau dikepung  
Sana mahu dikejar sini mahu dikendong  
Ke sana mengejar peluang ke sini mengira  
untung

Wahai anak cucu jangan sepertiku  
Lebih nafsu kurang ilmu  
Banyak bermimpi kurang strategi





## AMALAN INTEGRITI MELALUI RUKUN NEGARA

---

**K**enapakah perlunya kita menjadikan Rukun Negara sebagai simbolik perpaduan? Falsafah kebangsaan ini telah terlalu lama diabaikan yang mana kesan daripadanya menzahirkan pelbagai implikasi negatif khususnya dalam tatacara hidup bermasyarakat.

**R**ukun negara merupakan ideologi yang dicipta ekoran peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 yang menjadi bukti bahawa berlakunya permusuhan kaum yang sangat dasyat pada ketika itu. Masyarakat seharusnya mengambil iktibar dan pengajaran daripada peristiwa tersebut dengan kembali menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara yang telah dibentuk. Ideologi Rukun Negara ini telah dicetuskan dalam mesyuarat pertama Majlis Perundingan Negara pada 27 Januari 1970 dan diisytiharkan secara rasmi oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong IV iaitu Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin pada 31 Ogos 1970.


### Objektif Rukun Negara adalah bagi:

- mencapai perpaduan yang erat dalam kalangan masyarakat Malaysia;
- memelihara satu cara hidup yang demokratik;
- melahirkan sebuah masyarakat yang adil supaya dapat menikmati kemakmuran bersama;
- membentuk masyarakat liberal terhadap kebudayaan masing-masing; dan
- membina masyarakat progresif dengan menggunakan sains dan teknologi moden.

**S**atu sifat yang menarik dalam ideologi Rukun

Negara adalah memperkukuhkan integriti pelbagai kaum dan penganut agama di Malaysia. Pengukuhan integriti dalam konteks ini adalah bagi mempertingkatkan persefahaman, permuafakatan dan saling hormat-menghormati. Rukun Negara bukanlah satu ikatan perundangan tetapi pematuhan wajib yang perlu dijadikan pegangan dan sandaran oleh setiap rakyat di negara ini demi memastikan budaya integriti dapat disuburkan agar keamanan negara berterusan.

Setelah empat dekad diisytiharkan, peranan dan matlamat Rukun Negara masih tidak dapat dilihat dengan jelas. Senario dalam negara kini memperlihatkan banyak isu kepincangan seperti isu integriti dan akauntabiliti yang sebenarnya menampakkan seolah-olah Rukun Negara ini sekadar dilafaz tetapi bukan dihayati. Lima prinsip Rukun Negara yang dibentuk ini merupakan acuan masyarakat yang berbilang kaum dan juga agama dengan harapan dapat memperkukuhkan perpaduan kaum.




*“Rahsia kesempurnaan Rukun Negara ialah pada amalannya. Tanpa amalan, Rukun Negara akan menjadi secebis dokumen yang tidak mempunyai makna”.*

*“...adalah mustahak Rukun Negara bukan sahaja difahami oleh setiap rakyat, tetapi juga diamalkan dengan sepenuhnya dan segala hikmat-hikmat yang terkandung di sebalik tiap-tiap perkataan dan kalimah Rukun Negara itu benar-benar menjadi darah daging”.*

**Tun Abdul Razak**  
Perdana Menteri Malaysia ke-2





**Penulis: YBhg. Dato' Sri Haji Zakaria bin Haji Jaffar**  
**Jawatan terakhir sebelum bersara: Bekas Timbalan Ketua Pesuruhjaya, SPRM**

**Oleh: Hamdan bin Matan, UI IPPM**


*B*eliau digelar Tokoh Pembangunan SPRM dek kerana pengalamannya selama 33 tahun 2 bulan dan 11 hari bertugas di SPRM yang dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR). Penghasilan buku ini dibuat dengan tujuan ianya boleh dijadikan sebagai sumber rujukan kepada warga SPRM khususnya, yang mana setiap inci kandungan buku ini digarap berdasarkan pengalaman sebenar YBhg. Dato' Sri Zakaria atau lebih dikenali sebagai DZ dalam meniti kerjayanya bersama SPRM.

*D*z merupakan seorang anak kampung yang dibesarkan berdasarkan didikan agama dan disiplin yang sangat tinggi oleh ayahnya. Ayah DZ merupakan individu yang amat tegas dan tidak berkompromi dalam soal solat berjemaah di surau atau di masjid kerana ayahnya merupakan seorang 'lebai' yang sangat dihormati oleh orang-orang kampung. Keluarga DZ hidup dengan sumber pendapatan dari pertanian bendang, kebun getah, tanaman sayur-sayuran serta ternakan haiwan peliharaan. Kehidupan tersebut mendorong DZ, seorang anak Kampung Kadok Dalam, Kota Bahru, Kelantan berusaha gigih untuk berjaya menjejakan kaki ke Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1977 dalam bidang perakaunan.

*Man Ana* merupakan satu perjuangan yang diketengahkan oleh penulisnya

sebagai usaha menentang rasuah. Kisah-kisah inilah yang cuba dipaparkan oleh penulis agar pengalaman yang begitu banyak dalam usaha tersebut tidak disia-siakan begitu sahaja hanya dengan alasan besarnya seorang pegawai SPRM. Terlalu banyak pengalaman, pengajaran, keinsafan yang dapat dan boleh dijadikan panduan kepada sesiapa sahaja yang menatap penulisan ini.

**D**Z dikenali dan digelar sebagai Tokoh Pembangunan SPRM dek kerana beliau tegas dalam memastikan semua projek-projek pembangunan kelolaan SPRM disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Pada dasarnya, DZ tidak lari daripada pelbagai masalah atau isu dalam usaha memastikan semua projek dapat disiapkan mengikut jadual seperti kekangan bajet, kelewatan projek dan juga karenah-karenah 'manja' daripada pihak kontraktor.




**O**lahan dan susunan pengalaman melalui buku tulisan DZ ini sebenarnya cukup mampu membimbing dan mengajar kita untuk menjadi seorang penjawat awam yang mempunyai sifat amanah, bertanggungjawab dan bersih. Melalui penulisan Man Ana ini juga jelas menunjukkan bahawa kita mampu mencegah sesuatu perlakuan jenayah itu berlaku dan tidak terlibat dengan unsur-unsur negatif seperti penyalahgunaan kuasa, rasuah atau sebagainya.

***MAN ANA.....satu perjuangan menentang rasuah.....***

- 1. Ayahanda saya menyuruh saya pergi belajar mengenali nombor bas agar saya tahu jalan pulang. Pengajarannya adalah kita perlu tahu tujuan dan matlamat Allah menjadikan kita di bumi ini agar tidak sesat;***
- 2. Carilah pekerjaan yang mulia yang boleh mendekatkan diri kita dengan Allah, pekerjaan yang boleh mencegah kita masuk ke neraka; dan***
- 3. Sebaik-baik umat Nabi Muhammad SAW adalah yang mengajak ke arah kebaikan dan mencegah manusia dari melakukan perkara munkar.***

***BINGKISAN CATATAN YBHG. DATO' SRI HAJI ZAKARIA BIN JAFFAR***





KISAH PERJUANGAN WIRA ANAK BANGSA

Tayangan umum: 27 September 2018

Genre: Action/ Thriller

Masa tayangan: 1 jam 55 minit

Pengarah filem: Adrian Teh

Oleh: Noor Jumaaton binti Razikin, UI IPPM

**PASKAL** merupakan sebuah filem yang diadaptasi daripada sebuah kisah benar iaitu operasi bagi mendapatkan kembali Kapal MV Bunga Laurel yang dirampas oleh lanun Somalia di Teluk Aden pada tahun 2011. Operasi tersebut diketuai oleh Leftenan Komander Arman Anuar TLDM yang diilhamkan daripada watak Panglima PASKAL, Laksamana Pertama Anuar bin Alias. Filem PASKAL ini secara keseluruhannya telah menelan belanja kira-kira RM10 juta.

Arman terpaksa memilih antara perkhidmatan untuk negaranya dan menjaga ibunya, Khadijah yang sakit. Setelah kehilangan bapa Arman yang juga merupakan seorang anggota PASKAL yang terkoban semasa menjalankan tugasnya, Khadijah sukar menerima pilihan Arman untuk menurut jejak langkah ayahnya. Sentiasa takut jika dia perlu mengebumikan anaknya sebelum dirinya sendiri.

Konflik bermula apabila Arman melihat sendiri rakan sepasukannya terkorban dan seorang lagi diberhentikan. Bagi Arman pula, dia rasa bersalah apabila terpaksa meninggalkan ibunya demi tugas dan juga apabila melihat Lily, balu sahabatnya yang kini meneruskan hidup demi anaknya yang masih kecil.

Rentetan itu, Arman mengambil keputusan untuk memohon ditukarkan ke tugas lain di pangkalan dan tidak lagi aktif di lapangan. Namun, masa lampau kembali menghantuinya apabila Arman berjumpa dengan Jeb, seorang bekas anggota PASKAL yang telah diberhentikan. Pertemuan mereka berakhir dengan amaran Jeb yang kini seorang pembunuh upahan supaya Arman tidak menghalangnya. Arman semestinya tidak dapat berdiam diri kerana dia dapat merasakan bahawa Jeb sedang merancang sesuatu yang mengancam keselamatan negara.

**Adakah ini mungkin menjadi misi terakhir buat Arman?**

Dalam kita menikmati waktu bersama orang tersayang, ada wira bangsa yang sedang berjuang demi kesejahteraan negara tercinta. Melalui plot dan jalan yang dipersembahkan dapat membuka minda penonton terhadap tugas, kredibiliti serta pengorbanan anggota pertahanan negara.

Patriotisme merupakan elemen utama yang digarap dengan tujuan membina kesedaran, mengukuhkan semangat cintakan negara serta mengambil iktibar daripada peristiwa-peristiwa yang telah berlaku agar kita tidak terleka dengan apa yang telah dinikmati pada hari ini. Sebagai generasi pasca merdeka, kita sering terlupa pelbagai onak dan duri yang menyelimuti perjalanan hidup anggota keselamatan negara. Coretan kisah jerih-perit, kepayahan, keberanian dan ketahanan yang menghiasai hidup mereka.

Filem yang boleh dikatakan berprofil tinggi ini menghadirkan nuansa fiksien realiti kerana pembikinannya bersandarkan kepada peristiwa sebenar, menjadikan cerita ini sangat dekat dengan penonton. Apatah lagi, umum mengetahui bahawa filem antara elemen yang sangat digemari oleh pelbagai golongan terutamanya generasi muda. Dengan membawa cerita-cerita sebegini secara tidak langsung akan dapat membawa generasi muda mengalami dan merasai situasi tersebut secara visual yang mana ia akan dapat disimpan dalam memori untuk jangka masa yang panjang.

## **MENYERAH KALAH BUKANLAH PILIHAN**

**Inilah pengorbanan wira-wira negara yang tidak dikenali dan diketahui. Antara keluarga dan negara...rasai sendiri pergolakan dalaman PASKAL**





# SOALAN LAZIM

**S1:** Adakah tindakan tatatertib boleh diambil ke atas pegawai yang telah meletak jawatan dari perkhidmatan awam?

**J1:** Tidak. Tindakan tatatertib yang sedang diambil juga tidak boleh diteruskan selepas berkuat kuasa tarikh peletakan jawatan pegawai.

**S2:** Apakah yang perlu dilakukan oleh urus setia apabila menyedari terdapat kesilapan pada prosedur tindakan tatatertib?

**J2:** Jika surat pertuduhan belum dikeluarkan, pertuduhan hendaklah dibuat semula. Jika surat pertuduhan telah dikeluarkan, urus setia perlu batalkan prosiding tatatertib untuk membuat semakan semula tetapi bukan membatalkan pertuduhan.

**S3:** Bolehkan Lembaga Tatatertib bersidang untuk menjatuhkan hukuman sekiranya tempoh representasi pembelaan diri pegawai belum tamat 21 hari?

**J3:** Walau pun representasi pembelaan diri pegawai dikemukakan dalam masa satu hari, Lembaga Tatatertib mestilah menunggu sehingga tamat tempoh 21 hari untuk bersidang. Ini kerana Lembaga Tatatertib perlulah mematuhi prinsip keadilan iaitu *right to be heard*. Kegagalan mematuhi prinsip tersebut boleh menyebabkan kecacatan ke atas sesuatu tindakan tatatertib yang telah diambil.

**S4:** Adakah tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja boleh diambil ke atas pegawai yang telah bersara wajib atas kesalahan yang dilakukan semasa dalam perkhidmatan?

**J4:** Tindakan tatatertib tidak lagi boleh diambil ke atas seseorang pegawai yang telah bersara kecuali jika tindakan tatatertib telah dimulakan (pertuduhan telah dihadapkan kepada pegawai) sebelum tarikh kuat kuasa persaraan itu, maka tempoh perkhidmatan pegawai itu disifatkan sebagai telah dilanjutkan sehingga tindakan tatatertib itu berkeputusan sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 10 Akta Pencen.

# LENSA UI

## PROGRAM



**Kursus Pengurusan Tatatertib Bagi Pengerusi dan Ahli Lembaga Tatatertib bertempat di AKM Langkawi Kedah pada 12 – 15 Mac 2019**







**Kursus Pengurusan Tatatertib  
Bagi Urus Setia Zon Sabah  
bertempat di Penjara Pusat Kota  
Kinabalu pada 24 - 26 April  
2019**



# **ANUGERAH TOKOH PEKERJA TERBAIK**

## **BULAN JANUARI**

### **JABATAN PENJARA MALAYSIA**



Nama : AZLINA BINTI ARIF  
Tempat lahir : Kuala Lumpur  
Jawatan : PT (P/O) Gred N19  
Tempat bertugas : Bahagian Kewangan  
Anugerah : 1. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2008;  
2. Sijil Penghargaan tahun 2013; dan  
3. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2013.

Sejarah perkhidmatan : 13 Mac 2006  
Dilantik dan ditempatkan di Kementerian Pengajian Tinggi  
25 November 2010  
Bertukar dari Kementerian Pengajian Tinggi ke Bahagian  
Kewangan, IPPM

Nama : NORHAIZURA BINTI ABD ROZAK  
Tempat lahir : Kedah  
Jawatan : Pegawai Penjara Gred KA20 (TBBK)  
Tempat bertugas : Bahagian Pengurusan Banduan  
Anugerah : 1. Sijil Kepujian (Lencana Hijau) tahun 2009;  
2. Riben Kelakuan Baik tahun 2008; dan  
3. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2008.

Sejarah perkhidmatan : 16 September 2002  
Dilantik sebagai Pegawai Penjara Gred KA19 dan ditempatkan  
di Penjara Reman Pulau Pinang

15 Januari 2010  
Bertukar dari Penjara Reman Pulau Pinang ke Bahagian  
Pengurusan Banduan, IPPM

1 Julai 2013  
Dinaikkan pangkat ke Gred KA20 (TBBK)



## **TAHNIAH DAN KEMERLAKUKAN KECEMERLANGAN ANDA**



# ANUGERAH TOKOH PEKERJA TERBAIK BULAN FEBRUARI JABATAN PENJARA MALAYSIA

Nama : NORSHARAIN BINTI NORHALIMI  
Tempat lahir : Kuala Pilah, Negeri Sembilan  
Jawatan : Penolong Penguasa Penjara Gred KA29  
Tempat bertugas : Bahagian Parol dan Perkhidmatan Komuniti  
Anugerah : 1. Pingat Am Penjara tahun 2013;  
2. Pingat Perkhidmatan Am tahun 2014;  
3. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2015; dan  
4. Pingat Bakti Penjara tahun 2017.



Sejarah perkhidmatan : 6 Ogos 2007  
Dilantik sebagai Pegawai Penjara Gred KX17 dan ditempatkan di Penjara Wanita Kajang

6 Januari 2014

Bertukar dari Penjara Wanita Kajang ke Parol dan Perkhidmatan Komuniti Daerah Tampin, Negeri Sembilan

7 Disember 2014

Menerima lantikan sebagai Penolong Penguasa Penjara Gred KA29 dan ditempatkan di Pejabat Parol dan Perkhidmatan Komuniti Daerah Tampin, Negeri Sembilan

19 Jun 2017

Bertukar dari Pejabat Parol dan Perkhidmatan Komuniti Daerah Tampin ke Bahagian Parol dan Perkhidmatan Komuniti, IPPM



Nama : SITI RASILAWANI BINTI MOHD RASLI  
Tempat lahir : Kelantan  
Jawatan : Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29  
Tempat bertugas : Bahagian Teknologi Maklumat  
Anugerah : -

Sejarah perkhidmatan : 10 Mei 2015  
Dilantik dan ditempatkan di Bahagian Teknologi Maklumat, IPPM

## TAHNIAH DAN KEMERLANGAN ANDA

# ANUGERAH TOKOH PEKERJA TERBAIK BULAN MAC JABATAN PENJARA MALAYSIA

Nama : MOHAMAD SHAHROM BIN ABDURAHMAN  
Tempat lahir : Ipoh, Perak  
Jawatan : Pegawai Penjara Gred KA22 (TBK)  
Tempat bertugas : Bahagian Keselamatan dan Inteligen  
Anugerah : 1. Riben Kelakuan Baik Tahun 2002;  
2. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2002;  
3. Pingat Perkhidmatan Am Tahun 2008;  
4. Pingat Bakti Penjara Tahun 2009;  
5. Pingat Pekerti Penjara Tahun 2010;  
6. Pingat Perkhidmatan Setia Tahun 2011; dan  
7. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2016.



Sejarah perkhidmatan : 17 September 1990  
Dilantik sebagai Pegawai Penjara dan ditempatkan di Penjara Kajang

16 Ogos 2002  
Bertukar dari Penjara Kajang ke Bahagian Keselamatan dan Inteligen, IPPM

1 Julai 2013  
Dinaikkan pangkat ke Pegawai Penjara Gred KA20 (TBK) dan ditempatkan secara hakiki pada 30 Oktober 2017

1 Julai 2018  
Dinaikkan pangkat ke Pegawai Penjara Gred KA22 (TBK)

Nama : RENA BINTI OMAR  
Tempat lahir : Johor  
Jawatan : Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA32  
Tempat bertugas : Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran  
Anugerah : 1. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2002;  
2. Tokoh Pekerja Bulanan Tahun 2008;  
3. Sijil Penghargaan Tahun 2011;  
4. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2011; dan  
5. Pingat Bakti Setia Tahun 2014.

Sejarah perkhidmatan : 2 April 2000  
Dilantik sebagai Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29 dan ditempatkan di Bahagian Teknologi Maklumat, IPPM

1 Julai 2008  
Dinaikkan pangkat ke Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA32 dan ditempatkan di Unit HRMIS, BSMP, IPPM

## TAHNIAH DAN KECALKAN KECEMERLANGAN ANDA



# ANUGERAH TOKOH PEKERJA TERBAIK BULAN APRIL JABATAN PENJARA MALAYSIA



Nama : TUAN SABAWATI BINTI TUAN LUWI  
Tempat lahir : Terengganu  
Jawatan : Pembantu Akauntan Gred W29  
Tempat bertugas : Bahagian Pembangunan dan Perolehan  
Anugerah : Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2012

Sejarah perkhidmatan : 4 Februari 2008  
Dilantik sebagai Pembantu Akauntan Gred W17 dan ditempatkan di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam Bangi

1 Julai 2016

Menerima tawaran pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pembantu Akauntan Gred W29

1 Mei 2017

Bertukar dari Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam Bangi ke Bahagian Pembangunan dan Perolehan, IPPM

Nama : MUHAMAD FAKHRUR RAZI BIN MOHMAD NOOR  
Tempat lahir : Hulu Langat, Selangor  
Jawatan : Pegawai Penjara Gred KA19  
Tempat bertugas : Unit Teknikal Risikan Siasatan  
Anugerah : -

Sejarah perkhidmatan : 24 November 2014  
Dilantik sebagai Pegawai Penjara Gred KA19 dan ditempatkan di Penjara Tapah

7 Mac 2016

Bertukar dari Penjara Tapah ke Unit Teknikal Risikan Siasatan, IPPM



## TAHNIHAH DAN KEMERLAKUKAN KECEMERLANGAN ANDA

# ANUGERAH TOKOH PEKERJA TERBAIK

## BULAN MEI

### JABATAN PENJARA MALAYSIA

Nama : MUHAMMAD YUSOF BIN SUPARDY  
Tempat lahir : Perak  
Jawatan : Pegawai Penjara Gred KA20 (TBBK)  
Tempat bertugas : Bahagian Dasar Kepenjaraan  
Anugerah : Pingat Perkhidmatan Am Tahun 2013  
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2014  
Pingat Bakti Tahun 2015



Sejarah perkhidmatan : 24 September 2001  
Dilantik sebagai Pegawai Penjara Gred KX12 dan ditempatkan di Penjara Kajang Kajang

5 Mei 2008  
Bertukar dari Penjara Kajang ke Parol dan Perkhidmatan Komuniti Daerah Kuala Selangor

26 November 2012  
Bertukar dari Parol dan Perkhidmatan Komuniti Daerah Kuala Selangor ke Bahagian Dasar Kepenjaraan, IPPM

24 September 2015  
Dinaikkan pangkat ke Gred KA20 (TBBK)



Nama : SYAHRIZUL NUR FAIRDAUSI DIN BIN LAILUDDIN  
Tempat lahir : Terengganu  
Jawatan : Penolong Penguasa Penjara Gred KA29  
Tempat bertugas : Bahagian Pengurusan Banduan  
Anugerah : Pingat Perkhidmatan Am Tahun 2012

Sejarah perkhidmatan : 10 Ogos 2009  
Dilantik sebagai Penolong Penguasa Penjara Gred KA29 dan ditempatkan di Penjara Bentong, Pahang

26 Januari 2015  
Bertukar dari Penjara Bentong ke Seksyen Vokasional dan Industri, Bahagian Pengurusan Banduan, IPPM

## TAHNIAH DAN KEKALKAN KECEMERLANGAN ANDA



# ANUGERAH TOKOH PEKERJA TERBAIK BULAN JUN JABATAN PENJARA MALAYSIA



Nama : QYAIRUL FAHMY BIN SUIB  
Tempat lahir : Negeri Sembilan  
Jawatan : Pegawai Penjara Gred KA22 (TBBK)  
Tempat bertugas : Bahagian Keselamatan dan Inteligen  
Anugerah : Pingat Perkhidmatan Am Tahun 2011  
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2010

Sejarah perkhidmatan : 18 Oktober 2004  
Dilantik sebagai Pegawai Penjara Gred KX17 dan ditempatkan di Penjara Kajang, Selangor

16 April 2007  
Bertukar dari Penjara Kajang ke Bahagian Keselamatan dan Inteligen, IPPM

1 Julai 2013  
Dinaikkan pangkat kepada Pegawai Penjara Gred KA20 (TBBK)

1 Julai 2018  
Dinaikkan pangkat ke Gred KA22 (TBBK)

Nama : MOHAMMAD AZMAN BIN SATAR  
Tempat lahir : Perak  
Jawatan : Pembantu Am Gred H11  
Tempat bertugas : Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran  
Anugerah : Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2008  
Sijil Penghargaan Jabatan Penjara Malaysia Tahun 2011  
Pekerja Terbaik Ibu Pejabat Penjara Malaysia Tahun 2013

Sejarah perkhidmatan : 22 Mei 2006  
Dilantik sebagai Pekerja Rendah Awam Gred R1 dan ditempatkan di Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran, IPPM

1 November 2013  
Bertukar skim perkhidmatan kepada Pembantu Awam Gred H11



## TAHNIAH DAN KEKALKAN KECEMERLANGAN ANDA

**TERBITAN  
UNIT INTEGRITI  
IBU PEJABAT PENJARA MALAYSIA  
EDISI PERTAMA 2019**

**Kami mengalu-alukan sebarang sumbangan karya bertemakan integriti (rencana, artikel, berita, cerpen, sajak dan lain-lain) untuk dikongsi bersama. Hantarkan karya anda ke [kuintegriti@prison.gov.my](mailto:kuintegriti@prison.gov.my)**